

31/10/2003

Ahli MT lega Dr M janji terus bantu Umno

KUALA LUMPUR: Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno yang menghadiri mesyuarat terakhir MT yang dipengerusikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam, melahirkan rasa lega dengan komitmen Perdana Menteri untuk terus memberi sumbangan kepada Umno selepas bersara.

Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz berkata, walaupun mesyuarat berlangsung dalam suasana muram dan diselubungi kesedihan tetapi ahli MT sudah menerima kenyataan bahawa Dr Mahathir tidak lagi akan memimpin mereka.

"Bagaimanapun, yang agak melegakan apabila Dr Mahathir tetap mahu membantu dan bersama Umno walaupun sudah bersara daripada jawatan Perdana Menteri serta Presiden Umno.

"Saya sendiri berasa amat sedih kerana tinggal kami berdua iaitu saya dan Dr Mahathir, daripada saki baki ahli MT di zaman Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein (Perdana Menteri kedua).

"Dengan perginya Dr Mahathir, tinggallah saya seorang dan saya terasa sangat kehilangan itu. Saya melihat ia satu peralihan pentadbiran daripada generasi lama kepada generasi baru," katanya.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein berkata, mesyuarat terakhir MT bersama Dr Mahathir berlangsung dalam suasana sedih tetapi mereka dapat mengawal perasaan.

"Bagaimanapun, yang penting ialah komitmen Dr Mahathir untuk terus membantu Umno dan memberi sumbangannya walaupun sebagai ahli biasa Umno dan tidak lagi menjadi pemimpin.

"Yang paling kita (ahli MT Umno) berasa lega iaitu hubungan kita dengan Dr Mahathir tidak putus walaupun persaraan beliau sebagai Perdana Menteri dan juga selaku Presiden Umno." katanya yang percaya idea Dr Mahathir akan dapat mempertingkatkan kekuatan dan memperkukuhkan lagi Umno.

Ahli MT, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, dalam mesyuarat itu Dr Mahathir meminta ahli Umno agar terus mengeratkan perpaduan bagi memastikan Umno terus kukuh.

Menteri Besar Perlis itu berkata, untuk memperkukuhkan Umno setiap ahli perlu memberikan taat setia mereka kepada pemimpin seperti yang dilakukan kepada Dr Mahathir.

(END)